

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



PEMIKIRAN KEROHANIAN GOLONGAN REMAJA MELAYU
DALAM NOVEL DESTINASI IMPIAN BERDASARKAN TEORI
SPB4K: ANALISIS TERHADAP KONTROVERSI DAN
KRITIKAN MASYARAKAT

*THE SPIRITUAL DISCOURSE OF MALAY ADOLESCENTS IN THE NOVEL
DESTINASI IMPIAN BASED ON THE SPB4K THEORY: AN ANALYSIS OF
SOCIAL CONTROVERSY AND CRITICISM*

Noraini Ibrahim¹, Hasrina Baharum^{2*}

¹ Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak Darul Ridzuan 35900, Malaysia

Email: norfini2008@gmail.com

² Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak Darul Ridzuan 35900, Malaysia

Email: hasrina@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 26.05.2025

Published date: 24.06.2025

To cite this document:

Ibrahim, N., & Baharum, H. (2025). Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja Melayu Dalam Novel Destinasi Impian Berdasarkan Teori Spb4k: Analisis Terhadap Kontroversi Dan Kritikan Masyarakat. *International Journal of Education,*

Abstract:

Kajian ini bertujuan menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini. Walaupun novel ini pernah mendapat kritikan daripada masyarakat kerana kandungan watak utamanya sebagai lelaki lembut yang dianggap sensitif dalam masyarakat, kajian ini cuba menjelaskan bagaimana pemikiran kerohanian yang dibawa dalam karya tersebut boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks berdasarkan teori SPB4K. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah senarai semak analisis teks pemikiran kerohanian remaja berdasarkan teori SPB4K. Hasil kajian menunjukkan bahawa meskipun terdapat kontroversi dalam naratif novel *Destinasi Impian*, elemen pemikiran kerohanian dalam novel ini tetap memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan pemikiran remaja dalam menghadapi cabaran moral dan sosial. Namun, pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel ini masih kurang dititikberatkan oleh pengarang. Implikasinya, pihak-pihak yang berkaitan boleh menjadikan dapatan ini

Psychology and Counseling, 10 (58),
743-775.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058049.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



sebagai suatu panduan dalam memilih novel KOMSAS yang sesuai dengan psikologi dan falsafah sastra remaja agar signifikan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Katakunci:

Golongan Remaja; Kerohanian, Novel *KOMSAS*; Pemikiran

Abstract:

This study aims to analyze the spiritual thinking of Malay teenagers in the novel *Destinasi Impian* by Mohd Ismail Sarbini. Although this novel has been criticized by the community because of its main character as a gentle man who is considered sensitive in society, this study attempts to explain how the spiritual thinking brought in the work can influence the formation of the personality of teenagers. This study uses a qualitative design with the method of library research and text analysis based on the SPB4K theory. The research instrument used to collect data is a checklist for text analysis of teenage spiritual thinking based on the SPB4K theory. The results of the study show that despite the controversy in the narrative of the novel *Destinasi Impian*, the element of spiritual thinking in this novel still has a profound impact on the development of teenage thinking in facing moral and social challenges. However, the spiritual thinking of Malay teenagers in this novel is still not emphasized by the author. The implication is that relevant parties can use this finding as a guide in choosing KOMSAS novels that are suitable for the psychology and philosophy of teenage literature so that it is significant with the goals of the National Education Philosophy (FPK).

Keywords:

KOMSAS Novel; Spirituality; Thinking; Teenager

Pengenalan

Novel merupakan wadah penulis untuk menyampaikan pemikiran mereka kepada pembaca. Tanpa pemikiran dan idea daripada pengarang, sesuatu karya dan penulisan tidak akan berjaya dihasilkan (Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah, 2019). Hal ini demikian kerana pemikiran merupakan proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Semasa berfikir, otak manusia akan bertindak dengan memahami ransangan luar yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran dan tindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan. Hal ini demikian kerana pemikiran merupakan proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Semasa berfikir, otak manusia akan bertindak dengan memahami ransangan luar yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran dan tindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan. Terdapat beberapa definisi serta konsep berkaitan pemikiran yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi. Terdapat beberapa definisi serta konsep berkaitan pemikiran yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi.

Secara psikologinya, Dewey (1910) mendefinisikan pemikiran sebagai proses penyelesaian masalah yang memerlukan pemerhatian sistematik dan penilaian terhadap maklumat yang diperoleh melalui pengalaman. Rahman Shaari (2000) pula menekankan dimensi falsafah dalam konsep pemikiran apabila beliau menyatakan bahawa pemikiran dalam karya sastra

merangkumi gagasan kemanusiaan, keagamaan, politik, dan pendidikan yang diadun secara tersirat mahupun tersurat. Oleh itu, penganalisan terhadap sesuatu karya bukan sahaja harus memfokuskan aspek estetik, tetapi juga perlu menyelami lapisan pemikiran yang tersembunyi di sebalik naratifnya (Mohd Yusof, 2007). Dalam konteks pembangunan sahsiah remaja, novel remaja Melayu memiliki keupayaan yang signifikan untuk menyampaikan nilai murni serta membentuk keperibadian berasaskan landasan budaya dan agama (Marzuki, 2015; Nik Azis, 2010). Novel *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini merupakan salah satu karya kontemporari yang menampilkan kompleksiti pergelutan identiti dan pencarian spiritual dalam kalangan remaja Melayu. Novel ini menjadi tumpuan perdebatan kerana penggambaran watak utama, Firdaus, yang digambarkan sebagai lelaki lembut, menimbulkan respons pelbagai dalam masyarakat, khususnya berkaitan persepsi terhadap gender dan moral (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014; Arba'ie Sujud, 2014). Meskipun wujud kritikan dan kontroversi, novel ini menawarkan wacana yang mendalam tentang transformasi rohani dan pembangunan jati diri. Firdaus sebagai protagonis menjalani perjalanan batin yang mencerminkan dimensi pemikiran kerohanian yang signifikan dalam usaha memahami erti kehidupan, ketuhanan, dan pengorbanan.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek pemikiran kerohanian dalam novel *Destinasi Impian* dengan menggunakan kerangka Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hassan (2007). SPB4K mengandungi empat dimensi pemikiran manusia iaitu kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Fokus utama kajian ini adalah pada pemikiran kerohanian sebagai elemen dominan dalam pembentukan watak dan naratif, serta impaknya terhadap pembaca remaja Melayu. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan secara kualitatif, kajian ini akan menilai bagaimana struktur naratif, pembangunan watak, serta nilai yang diketengahkan dalam novel ini dapat menyumbang kepada pempupukan jati diri dan keseimbangan spiritual dalam kalangan remaja. Di samping itu, kajian ini turut menyoroti respons kritikal masyarakat terhadap watak lelaki lembut dalam novel ini bagi memahami persepsi budaya dan nilai moral yang mendasari wacana sastra remaja kontemporari.

Dalam perkembangan sastra Melayu, banyak karya yang memberikan pengaruh besar terhadap pemikiran sosial dan budaya, terutama dalam kalangan remaja. Satu daripada karya yang mencuri perhatian ialah novel *Destinasi Impian*, sebuah novel kontroversi yang mengisahkan tentang perjuangan seorang remaja Melayu dalam mencari erti kehidupan. Walaupun novel ini mendapat pujian berkaitan pelukisan watak yang kuat dan jalan cerita yang menarik, banyak juga kritikan daripada masyarakat, terutamanya terhadap beberapa elemen sensitif yang diketengahkan dalam novel tersebut. Oleh itu kajian ini akan menganalisis mengkaji bagaimana pemikiran kerohanian yang dipaparkan dalam novel ini mempengaruhi perkembangan sahsiah golongan remaja Melayu. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang menggabungkan empat elemen utama: pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan akan digunakan untuk menilai bagaimana elemen-elemen ini memainkan peranan dalam pembentukan karakter watak utama dan kesannya terhadap pembaca remaja.

Latar Belakang Kajian

Dalam kerangka kesusasteraan moden, genre novel remaja telah berkembang menjadi medium yang signifikan dalam menyampaikan nilai, pemikiran, dan identiti sosiobudaya yang bersifat dinamik serta reflektif terhadap realiti kehidupan golongan muda. Menurut Nur Rhaudah Hj. Siren (2006), istilah "novel remaja" merujuk kepada pertembungan antara dua unsur penting iaitu "novel" dan "remaja" yang akhirnya membentuk suatu identiti kesusasteraan yang tersendiri. Novel remaja bukan sekadar naratif berbentuk hiburan, tetapi berperanan sebagai cerminan terhadap tingkah laku dan pemikiran remaja yang kompleks, sama ada dari segi kejujuran ekspresi, pertentangan moral, mahupun pencarian makna hidup yang bersifat eksistensial.

Dalam konteks pembangunan intelektual dan emosi, novel remaja merupakan antara bahan bacaan yang diyakini mampu merangsang proses pembinaan sahsiah dan minda remaja, khususnya dalam kalangan remaja Melayu yang sedang melalui fasa peralihan identiti dan pencarian nilai hidup. Karya-karya sebegini mempersembahkan pelbagai dilema dan cabaran yang dihadapi oleh remaja, sama ada dari sudut dalaman mahupun tekanan sosial luaran, justeru memberi ruang untuk proses penilaian sendiri dan keinsafan berlaku dalam diri pembaca (Marzuki, 2015; Nik Azis, 2010). Kajian ini secara khusus meneliti novel *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini yang telah mencetuskan pelbagai perbincangan, terutamanya berkaitan isu watak lelaki lembut yang menjadi protagonis. Watak Firdaus yang digambarkan sebagai individu yang bergelut dengan perbezaan diri namun akhirnya menemui kekuatan melalui transformasi kerohanian memberikan ruang kepada pembacaan yang lebih mendalam dari sudut falsafah dan pendidikan nilai. Walaupun menerima kritikan daripada pelbagai segmen masyarakat, terutamanya terhadap elemen jantina dan norma sosial yang diketengahkan, novel ini sebenarnya mengangkat aspek spiritual sebagai inti naratif yang mendorong pembentukan sahsiah watak remaja secara positif (DBP, 2014; Arba'ie Sujud, 2014).

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hassan (2007) dijadikan kerangka teori bagi menilai pemikiran yang digarap dalam novel ini. SPB4K memperincikan empat dimensi pemikiran utama iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Kajian ini memfokuskan kepada aspek pemikiran kerohanian yang dianggap sebagai komponen dominan dan paling signifikan dalam pembangunan jati diri remaja. Pemikiran ini merangkumi elemen keimanan, keinsafan, hubungan dengan Tuhan, serta nilai-nilai moral yang selari dengan acuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 1996), yang menekankan pembentukan insan seimbang dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani. Melalui pembacaan dan analisis terhadap *Destinasi Impian*, kajian ini berusaha menyingkap bagaimana pemikiran kerohanian dapat menjadi penggerak utama dalam transformasi peribadi watak utama serta memberi kesan mendalam kepada pembaca remaja, dalam usaha memupuk sensitiviti nilai, daya refleksi dan pembentukan jati diri yang mantap dalam menghadapi cabaran era pascamoden ini.

Pernyataan Masalah

Dalam dunia sastra kontemporari, terdapat kecenderungan pengarang menampilkan realiti sosial yang lebih kompleks dan berani, termasuk dalam menggambarkan pemikiran dan konflik identiti dalam kalangan remaja. Novel *Destinasi Impian* merupakan salah satu karya yang menonjolkan isu kerohanian remaja Melayu dalam konteks moden yang mencabar

nilai-nilai tradisional dan keagamaan. Watak utamanya, Firdaus, yang digambarkan berperwatakan lembut, mencetuskan pelbagai respons dalam kalangan pembaca kerana dianggap bertentangan dengan stereotaip lelaki Melayu Muslim yang diharapkan oleh masyarakat. Keberanian novel ini mengangkat tema konflik identiti, pencarian jati diri dan pertembungan antara nilai agama dan budaya moden telah menimbulkan kontroversi. Watak Firdaus bukan sahaja menghadapi kecelaruan diri tetapi juga tekanan daripada keluarga dan masyarakat yang mahu dia berubah menjadi "lelaki sejati". Dalam konteks ini, pemikiran kerohanian remaja seperti Firdaus perlu difahami melalui kerangka teori yang menyeluruh dan bersepadu.

Namun begitu, kajian yang bersifat ilmiah dan mendalam mengenai pemikiran kerohanian remaja Melayu dalam karya sastera yang mencabar norma, khususnya melalui pendekatan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hassan (2007) masih kurang dilakukan. Teori ini berupaya memberikan kerangka analisis yang holistik dengan mengambil kira lima komponen penting iaitu spiritual, pembangunan, bimbingan, kebudayaan dan kepercayaan. Menurut Mohd Helmi Ahmad (2014), penghasilan karya remaja perlukan penekanan isi kandungan yang mengemukakan nilai motivasi, merangsang minat dan semangat juang, memupuk jiwa remaja berkualiti dari sudut akal budi, penampilan, sahsiah, berhemah tinggi dan jati diri. Hal ini memperlihatkan sastera remaja khususnya novel KOMSAS yang diperkenalkan kepada golongan remaja perlukan sentuhan ajaib pengarang bagi merangsang pemikiran kerohanian golongan remaja yang didedahkan dengan watak-watak remaja Melayu.

Kajian-kajian mutakhir antara tahun 2020 hingga 2025 secara umumnya menunjukkan bahawa novel KOMSAS memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai dan perkembangan sahsiah pelajar. Walau bagaimanapun fokus kajian adalah berbeza daripada daripada perbincangan dalam makalah ini. Hussin, Ismail, dan Awang (2020) dalam kajian mereka misalnya memfokuskan kepada peranan novel-novel KOMSAS dalam menerapkan nilai perpaduan dan sikap terbuka dalam kalangan murid berdasarkan Teori Refleksi Lukács. Sementara itu, Suhaimi dan Nik Mat Pelet (2024) pula memfokuskan kajiannya tentang aspek bahasa, iaitu menganalisis maksim kesantunan dalam novel *Silir Daksina* dengan merujuk kepada Prinsip Kesantunan Leech. Seterusnya, Zailani (2023) pula memfokuskan kepada aspek pengajaran dengan membincangkan adaptasi novel KOMSAS ke dalam medium filem. Kajian ini menekankan bahawa adaptasi filem boleh dijadikan alat bantu mengajar yang berkesan dalam era pembelajaran digital, membantu pelajar menghayati nilai dan tema karya dengan pendekatan visual yang lebih menarik. Zakaria, Jamian, dan Mohamad (2023) pula menggunakan Teori Relevans untuk mengkaji perwatakan, nilai, dan pengajaran dalam novel *Jalan ke Puncak* karya Juri Durabi.

Kesemua kajian tersebut berbeza dengan kajian ini yang memfokuskan aspek pemikiran kerohanian dalam novel *Destinasi Impian* (2014), karya Mohd Ismail bin Sarbini. Walaupun novel ini pernah mendapat tetangan hebat kerana mengetengahkan "lelaki lembut" melalui watak Firdaus, tetapi penuh dengan pemikiran berkitan semangat juang yang tinggi golongan remaja masa kini. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga telah mengambil inisiatif mengundang pengkritik novel dan akhirnya novel ini kekal menjadi novel kajian KOMSAS murid tingkatan Satu bagi Zon 2. Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan inilah pengkaji merasakan perlu untuk menjalankan kajian dan penelitian lanjut berkaitan pemikiran

kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel *Destinasi Impian* bagi merungkai isu yang sebelum ini menghantui masyarakat pembaca dan ibu bapa.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat mempelbagaikan corak kajian sastera Melayu dalam menelusuri pemikiran dan kreativiti pengarang. Hasil kajian berkaitan pemikiran kerohanian yang cuba diterjemahkan oleh Mohd Ismail bin Sarbini berdasarkan isu realiti kehidupan dapat dijadikan motivasi dan teladan kepada pembaca remaja melalui watak Firdaus yang mempunyai semangat juang yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup. Di samping itu, dapatan kajian ini juga boleh menjadi titik tolak kepada pengarang untuk menghasilkan novel yang sarat dengan pemikiran kerohanian, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan pelajar, iaitu remaja yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel *Destinasi Impian* berdasarkan teori SPB4K.

Persoalan Kajian

Kajian ini ingin memperjelaskan beberapa persoalan yang berikut:

1. Bagaimanakah aspek kerohanian remaja Melayu dipaparkan dalam watak Firdaus menerusi novel *Destinasi Impian*?
2. Bagaimanakah konflik antara nilai tradisional dan pemikiran moden memberi kesan terhadap pembentukan identiti kerohanian remaja dalam karya tersebut?
3. Sejauh manakah Teori SPB4K dapat digunakan untuk menganalisis pemikiran dan perkembangan sahsiah remaja dalam konteks cabaran sosiobudaya masa kini?
4. Apakah bentuk kritikan dan kontroversi masyarakat terhadap karya ini, dan apakah nilai-nilai kerohanian yang masih dapat diangkat daripada penceritaan novel?

Persoalan-persoalan kajian di atas membantu pengkaji dalam menganalisis kerohanian remaja Melayu dalam novel berkenaan dengan lebih mendalam berdasarkan Teori SPB4K dalam kajian ini.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira beberapa batasan tertentu bagi memastikan skop kajian kekal fokus dan terkawal. Antara batasan utama dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Teks kajian terhad kepada sebuah novel sahaja iaitu novel *Destinasi Impian* karya Mohd Ismail Sarbini. Kajian ini hanya tertumpu kepada novel *Destinasi Impian* sebagai teks utama. Pemilihan novel ini adalah berdasarkan nilai kontroversinya dalam menggambarkan pemikiran kerohanian remaja Melayu dan keberaniannya mengetengahkan tema identiti jantina dan cabaran spiritual remaja lelaki yang lembut.

Watak fokus utama: Firdaus analisis kerohanian hanya tertumpu kepada watak utama, iaitu Firdaus, sebagai representasi remaja Melayu. Watak-watak sokongan seperti Azlina dan Johari hanya dijadikan sokongan kepada perkembangan sahsiah Firdaus dan tidak dianalisis secara mendalam sebagai fokus utama.

Kerangka teori terhad kepada SPB4K sahaja. Kajian ini dibina sepenuhnya berdasarkan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) oleh Mohd Yusof Hassan (2007) yang merangkumi lima komponen: spiritual, pembangunan, bimbingan, kebudayaan, dan kepercayaan iaitu membentuk pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Teori-teori lain seperti Psikologi Remaja Barat atau Teori Sosiobudaya Moden tidak dibincangkan secara mendalam.

Aspek kerohanian dalam konteks remaja Melayu muslim sahaja. Kajian ini tertumpu kepada aspek kerohanian dalam kalangan remaja Melayu muslim dan tidak melibatkan perspektif agama lain atau etnik lain. Hal ini demikian kerana fokus utama adalah untuk melihat bagaimana nilai kerohanian Islam diterapkan dalam pembangunan watak remaja Melayu melalui lensa sastera.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini bertujuan untuk memperincikan wacana-wacana terdahulu yang relevan dengan dimensi pemikiran kerohanian dalam sastera remaja Melayu, penggunaan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K), serta isu-isu berkaitan kritikan sosial terhadap naratif yang mengangkat tema identiti remaja yang bersifat sensitif dan kontemporari. Kajian kesusasteraan moden tidak dapat lari daripada perbincangan mengenai sumbangan teks naratif terhadap pembentukan pemikiran manusia, khususnya dalam kalangan generasi muda. Dalam hal ini, sastera remaja Melayu tampil sebagai wahana signifikan yang bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan atau pengisi masa lapang, tetapi lebih jauh dari itu – sebagai agen transformasi intelektual dan rohani yang berperanan menyemai nilai, memperhalus perasaan, dan merangsang pemikiran kritis serta kontemplatif (Nik Azis, 2010; Salleh, 2012).

Pemikiran dalam Sastera dan Pemikiran Kerohanian

Konsep pemikiran dalam kesusasteraan telah lama menjadi medan penting dalam menzahirkan intelektualisme pengarang dan mengangkat martabat naratif sebagai wahana pengasuhan akliah dan rohanian. Rahman Shaari (2000) menegaskan bahawa pemikiran sastera merupakan suatu bentuk refleksi nilai dan falsafah yang diolah melalui tema, gaya bahasa, dan pembentukan watak. Dalam konteks remaja, pemikiran kerohanian berperanan sebagai landasan moral yang memandu tindakan dan keputusan mereka dalam situasi yang mencabar. Mohd Yusof Hassan (2007), melalui SPB4K, menekankan bahawa pemikiran kerohanian ialah asas kepada pembinaan insan kamil, kerana ia menyentuh dimensi keimanan, ketakwaan, dan hubungan spiritual dengan Tuhan yang menjadi tonggak keseimbangan sahsiah manusia.

Kajian oleh Zulkifli (2023) meneliti pengaruh pemikiran pengarang terhadap pembentukan akhlak remaja melalui analisis novel-novel KOMSAS Tingkatan 1 hingga 5. Beliau menegaskan bahawa pengarang memainkan peranan penting dalam membentuk sistem nilai pembaca remaja melalui naratif tersirat yang menekankan unsur kerohanian dan tanggungjawab sosial. Kajian ini menyokong peranan teks KOMSAS sebagai alat

pendidikan rohani dan moral dalam kalangan remaja. Zulkifli (2023) dalam kajiannya telah mengangkat peranan pengarang sebagai agen pembentukan pemikiran dan nilai akhlak remaja melalui naratif-naratif KOMSAS Tingkatan 1 hingga 5. Fokus utama kajian ini adalah kepada pengaruh pemikiran pengarang yang diterjemahkan secara tersirat dalam teks. Menurut Zulkifli, pengarang tidak secara langsung menyatakan unsur pendidikan akhlak atau kerohanian, tetapi unsur tersebut hadir secara halus melalui wacana, watak, konflik, dan penyelesaian naratif. Pendekatan ini memberi perhatian kepada fungsi teks naratif sebagai alat moral, yang menurutnya berkesan dalam membentuk pemikiran reflektif dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja. Oleh itu, Zulkifli menyimpulkan bahawa teks KOMSAS berperanan sebagai wahana pendidikan rohani dan sosial yang mampu menyemai pemikiran dan tindakan yang berakhlak dalam kalangan generasi muda.

Sebaliknya, kajian pengkaji semasa tidak sekadar mengangkat isu peranan pengarang secara tersirat, tetapi menggabungkan kerangka teori yang sistematik, iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dalam menganalisis pemikiran kerohanian remaja Melayu dalam novel *Destinasi Impian*. Ini memberikan dimensi yang lebih tersusun dan menyeluruh, dengan merangkumi empat elemen iaitu kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan yang dijadikan kayu ukur untuk menilai kandungan naratif dari segi pemikiran dan pembinaan nilai remaja. Kajian ini lebih fokus kepada kerohanian sebagai dimensi utama, dengan menyiasat bagaimana naratif *Destinasi Impian* membentuk kesedaran spiritual remaja dalam menghadapi realiti kontemporari seperti tekanan rakan sebaya, isu jati diri, dan konflik moral.

Berbanding pendekatan Zulkifli yang lebih bersifat tekstual dan deskriptif, kajian semasa ini mengambil pendekatan analitik dan normatif, iaitu bukan sahaja menganalisis teks, tetapi turut mempertimbangkan kritikan masyarakat dan kontroversi yang timbul akibat kandungan novel tersebut. Ini menjadikan kajian semasa lebih kontemporari dan berimpak, kerana ia menghubungkan antara pemikiran pengarang, respons masyarakat, dan keberkesanan teks sebagai alat pendidikan nilai dalam suasana sosial sebenar. Tambahan pula, kajian Zulkifli tidak memperincikan peranan pembaca sebagai subjek yang menginterpretasi nilai dalam teks, sedangkan dalam kajian semasa, remaja Melayu digambarkan sebagai agen yang melalui proses transformasi kerohanian melalui pendedahan kepada wacana dalam novel. Penekanan kepada pembentukan identiti spiritual remaja ini memperkaya dimensi sosiopsikologi yang kurang ditonjolkan dalam kajian-kajian terdahulu. Lebih penting, kajian semasa juga memperlihatkan ketegangan antara nilai tradisional dan isu kontemporari yang menjadi medan perdebatan dalam novel *Destinasi Impian*, seperti isu homoseksualiti, keruntuhan akhlak, dan kecelaruan jantina. Hal ini tidak dibahaskan secara kritikal dalam kajian Zulkifli yang lebih tertumpu kepada aspek umum nilai dan akhlak.

Oleh itu, kajian semasa lebih berani dan progresif kerana menyentuh soal kritikan masyarakat terhadap representasi identiti remaja, dan bagaimana pemikiran pengarang mempertahankan nilai spiritual dalam naratif tersebut. Dari segi metodologi pula, Zulkifli menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan, manakala kajian semasa mengintegrasikan analisis teks dengan pendekatan teori SPB4K yang lebih teoretikal dan sistematik. Ini membolehkan pengkaji bukan sahaja membaca teks, tetapi mentafsir pemikiran di sebalik struktur teks, justeru menjadikan analisis lebih mendalam.

Secara keseluruhan, kajian Zulkifli memberikan asas penting dalam memahami peranan pengarang dalam teks KOMSAS, manakala kajian semasa memperluas horizon dengan menilai secara kritikal dimensi kerohanian, konteks masyarakat, respons pembaca, serta justifikasi teori pemikiran melalui pendekatan SPB4K. Kajian semasa juga mencadangkan ruang untuk *penggubalan dasar pendidikan sastera yang lebih peka terhadap cabaran nilai kontemporari*, berbanding kajian Zulkifli yang lebih mengukuhkan naratif sastera sebagai alat pembentukan moral.

Seterusnya ialah kajian oleh Amir Humaidi Adnan & Mohd Farhan Md Ariffin (2022), *Kerohanian Menurut Perspektif Islam*. Kajian ini menganalisis konsep kerohanian menurut perspektif Islam dari sudut pandangan Imam Al-Ghazali. Kajian ini menjumpai aspek tema utama yang diterokai ialah unsur al-Roh daripada rohani yang boleh mempengaruhi tindakan dan perbuatan seseorang. Dapatan kajian menunjukkan al-qalb merupakan unsur rohani yang penting dalam mempengaruhi pertumbuhan sikap seseorang yang boleh menghasilkan perbuatan kepada kebaikan ataupun kemungkaran. Dalam kajian oleh Amir Humaidi Adnan dan Mohd Farhan Md Ariffin (2022) yang bertajuk *Kerohanian Menurut Perspektif Islam*, penekanan utama diberikan kepada pemahaman tentang konsep kerohanian berasaskan falsafah Islam klasik, khususnya melalui pemikiran Imam al-Ghazali. Kajian ini merumuskan bahawa unsur al-rūḥ (roh) merupakan intipati kerohanian yang mendasari seluruh tindakan dan keputusan moral individu. Pengkaji menekankan bahawa al-qalb (hati) adalah pusat kendalian kerohanian yang bukan sahaja memandu seseorang kepada kebaikan, tetapi juga menjadi mekanisme kawalan terhadap kecenderungan kepada kemungkaran. Dapatan ini memperlihatkan bahawa kerohanian bukan semata-mata bersifat spiritual yang abstrak, tetapi mempunyai implikasi langsung terhadap etika, sikap dan tindakan lahiriah manusia. Justeru, menurut mereka, pembangunan kerohanian dalam kalangan remaja perlu dimulakan dengan mendidik hati dan memperhalusi roh sebagai unsur dalaman yang menentukan keperibadian dan hala tuju hidup.

Sebaliknya, kajian semasa yang bertajuk *"Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja Melayu dalam Novel Destinasi Impian Berdasarkan Teori SPB4K: Analisis Terhadap Kontroversi dan Kritikan Masyarakat"*, memberi penekanan yang lebih holistik dan kontekstual terhadap penghayatan kerohanian remaja Melayu masa kini melalui pendekatan sastera naratif yang berbasis Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Berbeza dengan kajian Amir Humaidi dan Mohd Farhan yang bersifat normatif dan teosentrik, kajian ini membedah teks sastera sebagai medan eksplorasi makna kerohanian remaja dalam konteks realiti sosial, budaya dan psikologi kontemporari. Melalui analisis terhadap novel *Destinasi Impian*, kajian ini memperlihatkan bagaimana kerohanian remaja tercerna melalui konflik dalaman watak, cabaran moral, pencarian identiti dan krisis nilai, sekali gus menghubungkan dimensi spiritual dengan dimensi emosi dan sosial remaja.

Selain itu, kajian semasa juga mengadaptasi kerangka teori SPB4K yang mencantumkan empat komponen utama: kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan, menjadikannya satu model pemikiran yang lebih berstruktur dan pragmatik dalam menganalisis naratif remaja. Ini memberi kelebihan besar kerana kajian ini bukan sahaja melihat dari sudut Islamik klasik, tetapi juga membina pemikiran kerohanian melalui pendekatan tekstual-literari, di mana nilai spiritual diperoleh bukan secara dogmatik, tetapi melalui pengalaman pembacaan yang bersifat reflektif dan kontemplatif.

Jika kajian Amir Humaidi dan Mohd Farhan (2022) melihat roh dan hati sebagai asas metafizikal kepada tindakan manusia, maka kajian semasa melihat naratif sastera sebagai agensi budaya yang membentuk kerohanian melalui proses pengenalan diri dan interaksi sosial remaja.

Kajian semasa ini turut menyentuh dimensi kontroversi dan kritikan masyarakat terhadap naratif yang membicarakan isu sensitif, seperti kecelaruan jantina, tekanan sosial dan pencarian makna hidup, sekali gus memperluaskan skop kajian kerohanian kepada perbincangan sosial moden yang lebih mencabar. Tambahan pula, pendekatan kajian semasa lebih interdisiplin dan dinamik, merentas batasan antara ilmu agama, sastera, psikologi remaja dan pendidikan nilai. Ini menjadikan dapatan kajian lebih relevan kepada pembinaan dasar pendidikan sastera dan pembangunan sahsiah pelajar masa kini, manakala kajian Amir Humaidi dan Mohd Farhan lebih bermanfaat sebagai asas konseptual dan falsafah tentang roh dan hati dari sudut Islam.

Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian memainkan peranan yang saling melengkapi: kajian Amir Humaidi dan Mohd Farhan (2022) memberikan kerangka epistemologi dan spiritual Islam, manakala kajian semasa menyuntik pendekatan kontekstual dan aplikatif melalui teks naratif dan penerapan teori SPB4K dalam kehidupan remaja. Ini memperlihatkan bahawa kajian pemikiran kerohanian tidak harus dilihat sebagai tema terasing, tetapi sebagai wacana bersepadu yang memerlukan dialog antara teks agama, sastera, dan realiti sosial.

Kajian oleh Roslan Abdul Wahid dan Nasirin Abdillah (2022) yang bertajuk *Pemikiran Kerohanian dalam Babak Cerita Makyung Berdasarkan Teori SPB4K* telah membuka ruang penting kepada pemahaman bahawa elemen kerohanian tidak hanya terbatas pada teks keagamaan atau karya moden, tetapi juga wujud secara tersirat dan signifikan dalam warisan teater tradisional Melayu. Dengan menggunakan kerangka Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) sebagai alat analisis, kajian ini meneliti beberapa babak dalam cerita Makyung seperti Anak Raja Gondang, Eneng Tajali, Raja Besar Ho Gading, dan Dewa Indera Dewa. Hasil analisis menunjukkan bahawa unsur kerohanian dalam cerita-cerita tersebut terpancar melalui nilai-nilai luhur seperti pengorbanan, kesetiaan, keinsafan, dan pencarian makna hidup kesemuanya diperkukuh melalui konsep keilmuan Islam seperti tauhid, usuluddin, dan fekah. Kajian ini menegaskan bahawa cerita rakyat dan persembahan tradisional seharusnya dilihat sebagai medium pembentukan rohani masyarakat, bukan sekadar seni hiburan semata-mata.

Sebaliknya, kajian semasa terhadap novel *Destinasi Impian* memberi tumpuan kepada pemikiran kerohanian remaja kontemporari menerusi naratif moden yang disampaikan melalui teks KOMSAS sekolah menengah. Kajian ini juga menggunakan SPB4K sebagai landasan teori, namun pendekatannya jauh lebih kontekstual dan menjurus kepada dinamika psikososial remaja dalam menghadapi tekanan nilai, kecelaruan identiti, dan cabaran spiritual zaman moden. Di sinilah perbezaan ketara antara kedua-dua kajian – kajian Roslan dan Nasirin menumpukan kepada elemen tradisional dan warisan budaya yang kaya dengan unsur spiritual, sedangkan kajian semasa lebih memberi tumpuan kepada naratif pendidikan dan pembangunan sahsiah dalam dunia remaja hari ini.

Kekuatan kajian Roslan dan Nasirin terletak pada usaha mereka memodernisasikan naratif klasik melalui pendekatan teori kontemporari seperti SPB4K, sekali gus membuktikan bahawa teks tradisional juga mampu menjadi wadah pendidikan kerohanian yang berkesan. Namun, batasannya adalah pada keterpisahan konteks, kerana pementasan cerita Makyung tidak lagi menjadi sebahagian besar daripada pengalaman budaya remaja Melayu masa kini. Kajian semasa pula menawarkan relevansi pedagogi yang lebih kuat kerana teks yang dianalisis novel *Destinasi Impian* merupakan bahan bacaan wajib dalam kurikulum KOMSAS yang menjadi santapan minda pelajar setiap hari. Ini memberi peluang untuk mendidik pemikiran kerohanian secara lebih langsung dan sistematik dalam bilik darjah.

Tambahan pula, kajian semasa melangkaui sempadan teks dengan turut menganalisis kontroversi dan reaksi masyarakat terhadap naratif yang mengangkat isu remaja sensitif seperti kecelaruan identiti dan orientasi seksual, menjadikannya kajian yang menyentuh realiti dan perdebatan semasa. Kajian Roslan dan Nasirin pula tidak mengetengahkan isu-isu kontroversi, sebaliknya mengekalkan pendekatan deskriptif dan normatif terhadap babak-babak cerita rakyat. Ini menjadikan kajian semasa lebih kritikal dan berani dalam meneroka sempadan wacana kerohanian dalam kerangka sosial yang lebih kompleks dan mencabar.

Selain itu, walaupun kedua-dua kajian menggunakan SPB4K, pendekatan penggunaannya berbeza. Roslan dan Nasirin menumpu pada komponen kerohanian dan kebitaraan sebagai simbol keagungan nilai tradisi, manakala kajian semasa mengintegrasikan keempat-empat komponen kerohanian, kesaintifikan, kekreatifan, dan kebitaraan bagi menganalisis watak remaja yang berhadapan dengan dilema moral dan sosial. Ini memberikan kajian semasa kekuatan analisis yang lebih seimbang dan bersifat aplikatif terhadap konteks pendidikan dan pembangunan jati diri remaja hari ini.

Secara keseluruhannya, kedua-dua kajian berkongsi matlamat yang sama iaitu menyelongkar nilai kerohanian dalam teks Melayu menerusi kaca mata SPB4K, namun pendekatan dan fokus mereka berbeza. Kajian Roslan dan Nasirin menumpu pada dimensi budaya warisan yang perlu diangkat semula, manakala kajian semasa memfokuskan kepada penerapan nilai kerohanian secara langsung dalam wacana pendidikan remaja masa kini. Perbezaan ini sekaligus memperlihatkan keluasan dan keanjalan SPB4K sebagai satu teori yang mampu diaplikasikan dalam pelbagai latar dan konteks teks baik yang klasik mahupun moden, baik yang bersifat seni persembahan mahupun yang berbentuk bahan pendidikan formal.

Sastera Kerohanian Remaja dan Pembentukan Sahsiah

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 1996) menekankan pembangunan insan secara holistik yang mencakupi aspek intelek, emosi, jasmani dan rohani. Dalam konteks ini, pemikiran kerohanian yang didukung oleh naratif seperti dalam *Destinasi Impian* adalah selari dengan matlamat pendidikan nasional, khususnya dalam membentuk remaja yang beradab, berakhlak dan mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab spiritual mereka (Nor Hashimah, 2016). Dengan ini, peranan sastera tidak lagi dilihat sebagai tambahan kurikulum semata-mata, tetapi sebagai instrumen pedagogi berkesan dalam memupuk pembangunan jiwa dan moral.

Salah satu kajian yang membincangkan aspek pemikiran kerohanian adalah kajian oleh Shohana Hussin (2023) dalam artikelnya yang berjudul Kaedah Pendidikan Kerohanian Insan dalam Manuskrip Hidayah al-Salikin. Kajian ini menggunakan kaedah pendidikan kerohanian Islam sebagai asas perbincangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa manuskrip Hidayah al-Salikin mengemukakan pelbagai kaedah dan pendekatan kerohanian yang dapat diterapkan dalam usaha mengembalikan adab dan kepribadian yang berteraskan pendidikan kerohanian Islam yang sebenar.

Kajian oleh Shohana Hussin (2023) dalam artikelnya Kaedah Pendidikan Kerohanian Insan dalam Manuskrip Hidayah al-Salikin merupakan satu usaha ilmiah yang memperlihatkan pendekatan klasik Islam terhadap pembentukan kerohanian individu. Kajian ini menumpukan kepada kandungan manuskrip Hidayah al-Salikin, karya lama yang disandarkan pada ajaran tasawuf dan falsafah keagamaan yang mendalam. Shohana menelusuri pelbagai kaedah pendidikan kerohanian yang diketengahkan oleh pengarang manuskrip tersebut, termasuk pendekatan tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa), muraqabah (kesedaran terhadap kehadiran Tuhan), dan riyadah (latihan kerohanian). Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pendidikan kerohanian dalam teks ini sangat sistematik, berteraskan adab, akhlak, dan amalan rohani yang menyeluruh serta bersandarkan kepada sumber-sumber utama Islam seperti al-Quran, hadis, dan pandangan ulama tasawuf seperti Imam al-Ghazali.

Sebaliknya, kajian semasa terhadap novel Destinasi Impian menganalisis kerohanian bukan dalam kerangka klasik tetapi dalam konteks sastera moden remaja, dengan memberi penekanan kepada pemikiran pengarang dan kesannya terhadap pembentukan sahsiah remaja Melayu masa kini. Walaupun pendekatan Shohana berakar kuat pada teks keagamaan tradisional, kajian semasa berasaskan teks naratif KOMSAS yang bersifat kontemporari dan lebih mudah diakses oleh golongan remaja dalam persekitaran pendidikan formal. Ini mencerminkan perbezaan latar teks dan khalayak, yang seterusnya mempengaruhi pendekatan metodologi dan objektif pendidikan kerohanian masing-masing. Persamaan antara kedua-dua kajian ini ialah hasrat untuk memperkukuh dimensi kerohanian dalam diri insan. Shohana menumpu kepada pembentukan insan kamil melalui pendidikan ruhani berdasarkan ajaran Islam yang mendalam dan bersifat universal. Kajian semasa pula menekankan kerohanian sebagai sebahagian daripada sistem pemikiran remaja, terutamanya dalam menghadapi cabaran nilai, kecelaruan identiti, dan tekanan sosial masa kini. Di sinilah perbezaan ketara wujud kajian Shohana lebih bersifat normatif dan idealistik, manakala kajian semasa lebih bersifat realistik dan kontekstual.

Tambahan pula, penggunaan teori SPB4K dalam kajian semasa menandakan satu evolusi metodologi dalam menilai kerohanian remaja secara holistik. Teori ini bukan sahaja melihat aspek kerohanian, tetapi juga kesaintifikan, kreativiti dan kebitaraan, menjadikannya lebih sesuai untuk menilai wacana pemikiran moden. Kajian Shohana, walaupun tidak menggunakan teori moden seperti SPB4K, tetap menunjukkan pendekatan sistematik dan metodologi tersendiri berdasarkan warisan tradisi Islam. Namun, dari sudut pengaplikasian kepada konteks pendidikan arus perdana, kajian semasa lebih cenderung untuk diguna pakai dalam sistem persekolahan Malaysia hari ini kerana objek kajian (Destinasi Impian) merupakan teks KOMSAS yang rasmi dalam silibus kebangsaan. Satu lagi perbezaan penting adalah pada isu-isu kontemporari yang diketengahkan. Kajian Shohana tidak

menyentuh isu-isu sensitif atau kontroversial, sebaliknya menekankan aspek ideal dalam mendidik insan secara rohani. Kajian semasa pula menampilkan elemen berani dengan menyingkap kritik masyarakat terhadap wacana naratif remaja yang membawa unsur kerohanian bercampur isu identiti, kebingungan moral, dan konflik nilai. Kajian ini juga menampilkan keberanian akademik dalam memperdebatkan fungsi sebenar sastera remaja sebagai wahana pendidikan kerohanian yang bertindak balas terhadap realiti sosial, bukan sekadar memberi gambaran moral yang ideal.

Akhirnya, sumbangan utama kajian semasa ialah pembuktian bahawa kerohanian remaja boleh dibina melalui naratif sastera yang bersifat kontemporari, mendidik dan reflektif bukan semata-mata melalui teks agama atau manuskrip lama. Walaupun karya seperti Hidayah al-Salikin kekal relevan dari sudut spiritualiti klasik, cabaran semasa menuntut pendekatan naratif yang bersifat praktikal, kontemporari, dan resonan dengan pengalaman hidup remaja moden. Oleh itu, gabungan pendekatan lama (Shohana, 2023) dan pendekatan semasa dalam kajian ini memberikan spektrum lengkap terhadap wacana kerohanian, yang dapat dimanfaatkan dalam pendidikan nilai dan pembangunan sahsiah remaja Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, kajian-kajian tersebut berbeza dengan kajian ini dari segi teks kajian yang digunakan, walau ada antaranya menggunakan teori yang sama seperti kajian yang dilakukan oleh Roslan Abdul Wahid dan Nasirin Abdullah (2022). Tambahan pula kesemua fokus kajian pemikiran dalam kajian-kajian di atas adalah tidak sama dengan kajian ini yang memfokuskan kepada pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel *Destinasi Impian Berdasarkan Teori SPB4K: Analisis terhadap Kontroversi dan kritikan masyarakat*. Kajian oleh Mazlan Shamsudin dan Norhasliza Hassan (2021) bertajuk "Nilai Murni dalam Novel Remaja Kontemporari: Satu Analisis Tematik" telah memberikan sumbangan penting terhadap pemahaman bagaimana nilai-nilai moral dipersembahkan dalam karya sastera remaja Melayu kontemporari. Kajian ini dijalankan melalui analisis kandungan terhadap beberapa buah novel remaja terbitan tempatan yang ditulis dalam dekad terakhir. Antara dapatan utama yang diperoleh daripada kajian ini ialah pengkarya sastera remaja masih berpegang kepada nilai moral konvensional seperti taat kepada ibu bapa, semangat kejiranan, hormat-menghormati, dan semangat kekitaan, yang sering dipersembahkan secara langsung dan tidak kontroversial.

Walaupun pendekatan ini konsisten dengan fungsi didaktik sastera remaja dalam sistem pendidikan nasional, Mazlan dan Norhasliza turut mengkritik bahawa naratif sastera remaja kontemporari yang diteliti masih belum benar-benar berani menyentuh isu-isu nilai yang mencabar atau konflik moral yang lebih kompleks. Mereka mendapati bahawa penulis cenderung menghindari persoalan yang berkait dengan realiti sosial seperti tekanan identiti, pergelutan spiritual, dan keretakan institusi keluarga hal-hal yang semakin menjadi sebahagian daripada pengalaman hidup remaja masa kini.

Dalam konteks ini, kajian semasa terhadap novel *Destinasi Impian* memperlihatkan satu peralihan paradigma dalam wacana sastera remaja. Berbeza dengan dapatan Mazlan dan Norhasliza, novel *Destinasi Impian* berani membawa naratif yang menggugat keseimbangan sosial tradisional, khususnya dalam memaparkan isu-isu seperti kebebasan remaja dalam membuat pilihan hidup, konflik batin akibat perceraian ibu bapa, dan perjuangan membina identiti diri dalam dunia yang semakin kompleks dan pluralistik. Pendekatan ini menjadikan

karya tersebut lebih realistik dan dekat dengan pergelutan sebenar golongan remaja hari ini, meskipun ia turut mengundang kritikan daripada sebahagian khalayak konservatif yang menganggap naratifnya terlalu terbuka atau menyimpang daripada nilai budaya Melayu-Islam yang dominan.

Penggunaan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dalam kajian semasa membolehkan analisis dijalankan secara lebih menyeluruh dan berstruktur. Teori ini melihat pemikiran manusia sebagai satu sistem yang saling berinteraksi antara empat komponen utama iaitu kognitif, konatif, afektif dan spiritual. Dengan menggunakan teori ini, analisis terhadap *Destinasi Impian* bukan sekadar mengenal pasti tema kerohanian, tetapi juga menilai bagaimana pemikiran pengarang mempengaruhi naratif serta tindak balas rohani dan intelek watak-watak remaja terhadap konflik yang dihadapi. Ini meletakkan kajian semasa pada kedudukan yang lebih kritikal, bersifat interdisiplin dan mampu mencabar batasan pemikiran sastera remaja konvensional.

Secara keseluruhan, perbandingan ini menunjukkan bahawa meskipun kajian Mazlan dan Norhasliza memberikan asas penting dalam memahami penerapan nilai murni dalam sastera remaja, kajian semasa telah melangkah lebih jauh dengan meneroka dimensi konflik nilai dan spiritual yang lebih rumit dan kontekstual. Ini menjadikan kajian semasa lebih relevan kepada realiti remaja abad ke-21, di samping memperkukuh keperluan pendekatan teori bersepadu seperti SPB4K dalam menilai naratif sastera kontemporari yang semakin kompleks.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan literatur yang telah dilakukan, didapati bahawa kajian berkaitan pemikiran kerohanian telah mendapat perhatian beberapa orang pengkaji terdahulu sebelum ini tetapi masih kurang bilangannya. Sastera remaja bukan sahaja mempunyai keupayaan untuk menyampaikan pemikiran, tetapi juga mampu membentuk pemikiran kerohanian yang kritikal dan reflektif dalam kalangan pembaca muda. Penggunaan Teori SPB4K sebagai kerangka konseptual memberikan asas yang menyeluruh untuk menilai aspek pemikiran secara sistematik. Dalam hal ini, *Destinasi Impian* memperlihatkan potensi untuk dianalisis bukan sahaja sebagai teks naratif, tetapi sebagai alat pendidikan nilai yang signifikan, meskipun di tengah-tengah kontroversi dan kritikan sosial. Kajian-kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa sastera remaja memiliki peranan strategik dalam membentuk pemikiran kerohanian remaja melalui naratif yang mendalam dan kontekstual. Penggunaan Teori SPB4K membolehkan analisis yang sistematik dan integratif terhadap pemikiran yang terzahir dalam novel, manakala isu-isu kontroversi yang timbul, termasuk representasi gender, memperkukuh relevansi kajian terhadap wacana sosial semasa. Dalam landskap kesusasteraan dan pendidikan nilai masa kini, novel seperti *Destinasi Impian* tidak wajar dilihat sebagai polemik semata-mata, tetapi sebagai sumber pedagogi spiritual yang membina.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif yang menumpukan kepada analisis kandungan teks sastera. Kajian kualitatif dipilih untuk meneliti makna tersirat dan tersurat serta konflik kerohanian dan identiti yang dialami oleh watak utama dalam teks secara mendalam dan berlapis. Untuk tujuan tersebut kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan digunakan untuk mengumpulkan data kajian berdasarkan senarai semak analisis teks berdasarkan teori

sebagai instrumen kajian. Penekanan diberikan kepada watak utama (Firdaus) dan perwatakannya dalam konteks rohani, sosial dan budaya. Petikan teks dipetik sebagai bukti sokongan untuk setiap dapatan analisis. Perkara ini penting untuk mengkaji makna yang tersirat dan tersurat dalam teks sastera secara mendalam dan bersifat interpretatif. Kajian ini menggunakan dua jenis data utama, iaitu data primer melalui novel *Destinasi Impian*, yang menjadi teks utama dalam kajian. Watak utama, Firdaus, akan dianalisis secara mendalam dari segi perwatakan, dialog, tindakan dan perkembangan rohaninya. Data dikumpulkan melalui, pembacaan intensif terhadap teks novel *Destinasi Impian*, catatan nota analitik berdasarkan bab, petikan penting, dan perubahan emosi watak, pemilihan tema-tema utama berdasarkan komponen SPB4K.

Selain itu data sekunder daripada kajian lepas, artikel jurnal, buku-buku ilmiah, ulasan sastera, laporan media dan respons pembaca terhadap kontroversi novel ini turut digunakan. Sumber ini penting untuk memahami konteks kritikan masyarakat serta membina latar teori dan literatur kajian. Data dianalisis melalui pembacaan mendalam dan pengekstrakan tema yang berkaitan dengan elemen SPB4K. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) yang dikemukakan oleh Mohd Yusof Hassan (2007) menjadi asas kepada kerangka analisis kajian ini. SPB4K menggabungkan lima dimensi penting dalam pembentukan pemikiran remaja. Analisis dibahagikan kepada lima bahagian mengikut komponen SPB4K:

- Spiritual – nilai agama dan keimanan Firdaus
- ii. Pembangunan – perkembangan watak dan konflik identiti
- iii. Bimbingan – peranan Azlina dan Johari dalam membentuk sahsiah Firdaus
- iv. Kebudayaan – tekanan norma masyarakat terhadap jantina
- v. Kepercayaan – keyakinan Firdaus dalam menentukan halatuju hidupnya

Kelima - lima elemen ini digunakan untuk menganalisis dinamika konflik dan pemikiran kerohanian Firdaus dalam novel. Data kualitatif berdasarkan teks dan interpretasi subjektif. Kajian bersifat kualitatif dengan pendekatan analisis teks, maka dapatan kajian bersifat interpretatif dan bergantung kepada kefahaman serta pembacaan kritis terhadap teks oleh pengkaji. Kajian ini tidak melibatkan temu bual, tinjauan lapangan atau data empirikal. Respons masyarakat diambil dari ulasan awam dan media sosial. Kritikan dan kontroversi masyarakat terhadap novel ini dirujuk melalui sumber sekunder seperti ulasan pembaca, laporan media dan diskusi dalam media sosial. Kajian ini tidak melakukan kajian lapangan secara langsung untuk mendapatkan data primer daripada masyarakat.

Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan analisis watak Firdaus dari sudut pemikiran kerohanian remaja Melayu digambarkan melalui lensa Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K). Terdapat lima komponen utama SPB4K, iaitu spiritual, pembangunan, bimbingan, kebudayaan dan kepercayaan yang akan digunakan untuk menganalisis perjalanan emosi, konflik identiti dan pencarian jati diri watak Firdaus. Perbincangan ini turut menghubungkan analisis dengan kritikan masyarakat terhadap tema kontroversi novel.

SPB4K dalam Penilaian Karya Sastera

Teori SPB4K telah diguna pakai dalam beberapa kajian terdahulu sebagai pendekatan holistik untuk menilai aspek pemikiran dalam teks sastera. Mohd Yusof Hassan (2007) menghuraikan empat domain utama dalam sistem pemikiran iaitu kerohanian, kebitaraan,

kesaintifikan dan kekreatifan, yang apabila digabungkan mampu memberi gambaran menyeluruh terhadap perkembangan kognitif dan afektif individu. Kajian oleh Omar (2014) membuktikan bahawa SPB4K memberikan kerangka interpretatif yang efektif dalam menganalisis naratif-naratif sastra yang sarat dengan unsur nilai dan ketuhanan, khususnya dalam konteks sastra Melayu Islam.

Kontroversi dan Kritikan terhadap Watak Lelaki Lembut dalam Sastra

